

Tak sampai 5 minit

Metro 13/2/12 MS 17.

CCTV pasar raya rakam kegiatan licik kumpulan 10 pencuri larikan barang RM1,500

>>Oleh Nordiana Shafiee

am@hmetro.com.my

POKOK SENA: Licik apabila sekumpulan 10 pencuri terdiri lima lelaki dan lima wanita mengambil masa kurang lima minit untuk melarikan barangan berharga termasuk susu formula dan produk kosmetik dari sebuah pasar raya di Taman Angsana, di sini, Khamis lalu.

Dalam kejadian jam 4.20 petang itu, kumpulan berkenaan dipercayai sudah merancang kegiatan mereka apabila memasuki premis itu beramai-ramai sebelum keluar semula selepas mengambil barangan.

Walaupun dilengkapi enam kamera litar tertutup (CCTV), ia tidak menghalang suspek melarikan 28 tin susu formula berjenama dan enam kotak produk kosmetik dianggarkan bernilai hampir RM1,500.

Pemilik pasar raya itu yang enggan dikenali, berkata dia hanya mengetahui kejadian itu apabila dimaklumkan seorang pekerjanya



LICIK...CCTV dipasang di setiap penjuru merakam perlakuan kumpulan pencuri di pasar raya.

untuk memeriksa semula rakaman CCTV di premisnya.

Menurutnya, pada hari kejadian, hanya tiga pekerja bertugas dan kedatangan kumpulan itu menimbulkan syak wasangka, namun pekerjanya tidak mampu berbuat apa-apa.

“Taktik mereka memang licik kerana dengan mudah

dan pantas mengambil barangan dari dalam pasar raya ini walaupun CCTV dipasang di setiap penjuru.

“Sepanjang empat tahun beroperasi, ini kali pertama kejadian kecurian berkumpulan walaupun sebelum ini, acap kali kecurian berlaku tetapi hanya memabitkan individu,” katanya

ketika ditemui, kelmarin.

Menurutnya, melalui rakaman CCTV itu, dia mendapati kumpulan terbabit memasuki premisnya beramai-ramai lalu terus mengambil bakul disediakan di pintu masuk sebelum mengambil barang berkenaan.

Katanya, tiga daripada anggota kumpulan itu cuba

mengaburi pandangan pekerjanya apabila berada di kaunter bayaran manakala dua lelaki dan dua wanita lain mengambil susu dan produk kosmetik sebelum diserahkan kepada tiga wanita lain memakai baju kurung.

“Dalam rakaman itu jelas menunjukkan seorang wanita berbaju kurung memasukkan tin susu dalam pakaian mereka sebelum keluar dari pasar raya ini.

“Malah, kegiatan wanita berkenaan dilindungi ahli kumpulan yang cuba menghalang laluan di setiap lorong rak barangan bagi mengelak taktik mereka dikesan,” katanya.

Menurutnya, kejadian itu mungkin didalangi sindiket mencuri susu formula berjenama sebelum dijual harga murah di pasaran gelap.

Katanya, dia sudah membuat laporan di Balai Polis Pokok Sena, kelmarin supaya tindakan diambil terhadap kumpulan terbabit.

Sementara itu, jurucakap polis ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berkenaan dan siasatan masih dijalankan.